

## Sultan Johor berkenan serikan majlis persandingan keluarga Jakel

Ahmad Ismail  
am@hmetro.com.my

Segamat

**H**ari bersejarah sepasang pengantin bertambah ceria apabila Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar mencemar duli menghadiri majlis persandingan berkenaan di sini, semalam.

Turut mengiringi anakanda baginda, Tunku Panglima Johor, Tunku Abdul Rahman Sultan Ibrahim.

Pengantin, Muhammad Fauzan Ghani Erfan Ghani dan Rehana Mohamed Jakel, yang masing-masing berusia 20 tahun diraikan di Dewan Jubli Intan, Jalan Buloh Kasap, Segamat.



MAJLIS persandingan pasangan pengantin dihadiri Sultan Ibrahim di Dewan Jubli Intan Segamat, semalam.

# 'KENANGAN INDAH'

Baginda yang berangkat tiba jam 1.40 tengah hari me luangkan masa hampir setjam termasuk bera mah-mesra dengan tetamu majlis berkenaan.

Hadir sama ibu pengantin perempuan, Hajrabanu Os-

man, Pengurus Besar Jakel Segamat Lokman Mohamed Jakel (abang pengantin perempuan), Ahli Parlimen Sekijang Anuar Manap, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Buloh Kasap, Nurshida Ibrahim, Pegawai

Daerah Segamat Mohd Haffiz Ahmad, Timbalan Ketua Polis Daerah Segamat Deputi Superintendant Usop Unis serta 5,000 tetamu.

Abang sulung pengantin perempuan, Datuk Mohamed Faroz Mohamed Jakel

berkata, kenangan meluangkan masa bersama baginda pada majlis persandingan itu sesuatu yang indah.

"Kami terharu dan menghargai keberangkatan baginda.

"Kami juga menghargai

kehadiran penduduk sekitar juga pelanggan Jakel yang sentiasa memberi sambutan kepada produk berdasarkan fabrik yang diasaskan arwah bapa, Mohamed Jakel Ahmad di sekitar Daerah Segamat," katanya.